



Kenyataan Media

Untuk Siaran Segera

PERTANDINGAN MELUKIS LRT3

KUALA LUMPUR – 13 Oktober 2016: Orang ramai adalah dijemput untuk menyertai projek kreatif LRT3 dalam bentuk grafik "Lukisan Rail Masa Depan" yang akan berlangsung sehingga 13 December 2016.

Penyertaan yang berjaya akan digunakan untuk paparan di papan adang dan lain-lain bahan promosi yang berkaitan LRT3 dengan kredit akan diberikan kepada pereka asal.

"Kami ingin menggalakkan orang ramai untuk menjadi sebahagian daripada inisiatif transformasi rel bandar dan mempamerkan bakat mereka dalam menyampaikan projek LRT3 secara grafik dengan cara yang paling kreatif," kata Pengarah Projek LRT3 Datin Norlia Noah Prasarana Malaysia Berhad.

Pertandingan ini dibuka kepada empat kategori peserta, pelajar sekolah iaitu sekolah rendah berusia antara 7 dan 12 tahun; pelajar sekolah menengah antara 13 dan 17 tahun; pelajar universiti; dan kategori terbuka, dengan hadiah sehingga RM3,000 tunai.

Panel juri akan memilih pemenang dan 2 naib juara dari setiap kategori. Panel juri juga terdiri daripada wakil Prasarana dan juga mempunyai personaliti dan pengalaman dalam bidang ruang kreatif.

Kategori		Hadiah - Hadiah	
1	Sekolah Rendah (age 7-12)	Pertama	RM500 bawcer buku + RM500 wang tunai
		Kedua	RM300 bawcer buku + RM300 wang tunai
2	Sekolah Rendah (age 13-17)	Ketiga	RM200 bawcer buku + RM200 wang tunai
		Pertama	RM1000 bawcer buku + RM500 wang tunai
3	Kolej/Universiti	Kedua	RM1000 bawcer buku + RM300 wang tunai
		Ketiga	RM1000 bawcer buku + RM200 wang tunai
		Pertama	RM3000 wang tunai
4	Terbuka (semua peringkat umur)	Kedua	RM2000 wang tunai
		Ketiga	RM1000 wang tunai

Semua penyertaan adalah terhad kepada warna air, krayon, pensil warna dan kaedah grafik komputer sahaja. Pemenang akan dipilih berdasarkan:

- a. Tafsiran dan kejelasan tema kepada penonton.

- b. Kreativiti dan keaslian tema yang digambarkan.
- c. Kualiti komposisi seni dan reka bentuk keseluruhan berdasarkan tema.
- d. Gambaran keseluruhan seni dihasilkan.

Butiran terma dan syarat pertandingan boleh didapati di www.lrt3.com.my.

Pemenang dijangka akan diumumkan pada January 2017.

37km LRT3 projek yang merentasi 26 stesen dijangka akan meningkatkan perhubungan dan pergerakan kira-kira dua juta populasi yang tinggal dan bekerja di antara Bandar Utama di Petaling Jaya dan Johan Setia di Klang.

TAMAT

Dikeluarkan untuk Prasarana Malaysia Berhad. Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Liyana Yusuf ditalian 014-734 5461 atau Marc Fong ditalian 017-664 5904.

MENGENAI PRASARANA MALAYSIA BERHAD

Ditubuhkan pada tahun 1998 dan telah beroperasi sejak 2002, Prasarana merupakan pemilik aset dan pengendali dua rangkaian LRT negara dan Monorel KL, tambahan kepada perkhidmatan bas Rapid Penang, Rapid Kuantan, Rapid Kamunting dan Rapid KL, yang meliputi operasi mesra alam sekitar Bus Rapid Transit – Laluan Sunway. Dengan usaha untuk mengubah perkhidmatan pengangkutan awam negara melalui Rapid Rail Sdn Bhd dan Rapid Bus Sdn Bhd, Prasarana juga telah menubuhkan Prasarana Integrated Management & Engineering Services Sdn Bhd (PRIME) untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan dan perundingan kejuruteraan serta Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (PRIDE) untuk mengusahakan projek pembangunan komersial dan pemindahan berorientasikan pembangunan untuk memperkukuhkan lagi prestasi syarikat. Prasarana juga telah menubuhkan Prasarana Rail and Infrastructure Projects Sdn Bhd (PRAISE) untuk mengendalikan projek utama Prasarana seperti Projek Perluasan LRT dan LRT3.

MENGENAI MRCB GEORGE KENT (MRCB GK)

MRCB George Kent merupakan syarikat usahasama yang telah dilantik pada 4hb September 2015 sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP) Aliran Transit Ringan 3 (LRT3). MRCB pada masa ini adalah pemaju terbesar merangkap kontraktor untuk Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) di Malaysia, manakala George Kent adalah pakar sistem keratapi tempatan terbesar di Malaysia.

MRCB GK membawa kakitangan yang profesional dan berkemahiran tinggi dalam projek transit ke projek LRT3 ini, dengan memberikan penyelesaian yang berkesan dan kos efektif khusus untuk keperluan Prasarana dengan kerjasama dan sokongan yang menyeluruh.

MENGENAI TRANSIT ALIRAN RINGAN 3 (LRT3)

LRT3 dijangkakan akan menghubungkan 2 juta penduduk antara Bandar Utama dan Klang pada tahun 2020. Dibangunkan sejajar dengan Pelan Induk Pengangkutan Awam Greater Kuala Lumpur / Lembah Klang (GKL / KV), LRT3 akan menjadi satu ciri utama dalam memanjangkan perhubungan rel dalam kawasan Barat Lembah Klang (GKL / KV). Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati www.lrt3.com.my dan ikuti [@myLRT3](https://twitter.com/myLRT3) di twitter.